



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**  
**KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM**  
**05604 ALOR SETAR**  
**KEDAH DARUL AMAN**

Telefon : 04-740 4000  
Faks : 04-740 4342  
Laman Web : jpnkedah.moe.gov.my

### 'MUAFAKAT KEDAH'

Ruj.Kami : JPK.SKPP.UNP.S.500-3/12/15/Jld.1(18)  
Tarikh : 15 April 2018

**Semua Pengetua Sekolah Menengah**  
**Semua Guru Besar Sekolah Rendah**  
**Negeri Kedah Darul Aman.**

Tuan/Puan,

### **URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)** **SEBAGAI GURU CEMERLANG DI SEKOLAH, SECARA KHAS UNTUK** **PENYANDANG (KUP) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPMSP.BPSM.S.500-1/2/9 Jilid 3(31) bertarikh 12 April 2018 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan urusan pemangkuan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sebagai Guru Cemerlang di sekolah secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2018.
3. Sehubungan itu, pemangkuan gred yang ditawarkan adalah seperti berikut:

PPP	Gred Diawalkan
Guru Sekolah	Gred Khas C, DG54, DG48, DG44, DG38, DG34 & DG32


4. Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti berikut:

#### 4.1 Syarat-Syarat Umum

- 4.1.1 Disahkan dalam perkhidmatan;
- 4.1.2 Dinaikkan pangkat ke gred semasa;  
**(Calon yang sedang memangku tidak layak memohon)**
- 4.1.3 Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **sekurang-kurangnya 80%** untuk **setiap tahun** bagi tahun 2015, 2016 dan 2017;
- 4.1.4 Bebas daripada tindakan tatatertib (rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009);
- 4.1.5 Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun (pada atau sebelum **17 April 2018**);
- 4.1.6 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 4.1.7 Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan Institusi/tabung pendidikan; dan
- 4.1.8 Diperaku oleh Ketua Jabatan (Pengetua/Guru Besar)

**"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"**

*Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung*



## 4.2 Syarat-Syarat Khusus

4.2.1 Syarat-syarat khusus permohonan urusan pemangkuan bagi Guru Cemerlang adalah seperti berikut:-

- a. Lampiran A1 - PPP (Bukan Siswazah) Sekolah Rendah;
- b. Lampiran A2 - PPP (Siswazah) Sekolah Rendah;
- c. Lampiran A3 - PPP (Siswazah) Sekolah Menengah/ KV/IAB/KM/ELTC; dan
- d. Lampiran A4 - PPP (Siswazah) IPG.

## 5. Borang Permohonan:

5.1 Semua calon mesti memuat turun dan melengkapkan borang permohonan dalam format MS Excel daripada laman sesawang [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my) dan [epangkat.moe.gov.my](http://epangkat.moe.gov.my). Borang Permohonan GCPC Tahun 2018 (Borang GCPC) bagi calon Guru Cemerlang sekolah/KV dan Pensyarah Cemerlang dari IAB, KM dan ELTC.

5.2 Dokumen Permohonan calon mestilah lengkap sebelum diserahkan kepada Ketua Jabatan bersama-sama dengan softcopy borang permohonan. Ketua Jabatan perlu menyimpan Dokumen Permohonan calon yang lengkap dan Lampiran C untuk dikemukakan kepada Nazir Penilai bagi tujuan penilaian **SEKIRANYA** calon disenarai pendek

5.3 Calon perlu mengemukakan satu (1) salinan dokumen sokongan yang telah **disahkan** oleh Ketua Jabatan (Pengetua/Guru Besar):

- 5.3.1 Kad Pengenalan;
- 5.3.2 Surat pelantikan pertama skim perkhidmatan pendidikan ke Gred DG29 dan DG41 atau setara;
- 5.3.3 Surat Pengesahan Jawatan ke Gred DG29 dan DG41 atau setara
- 5.3.4 Surat kenaikan pangkat ke Gred DG44/DG48/DG52/DG54/ Khas C yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP);
- 5.3.5 Sijil kelulusan akademik;
- 5.3.6 Sijil kelulusan ikhtisas;
- 5.3.7 Kenyataan oleh Ketua Jabatan;
- 5.3.8 Kenyataan Perkhidmatan terkini;
- 5.3.9 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/Tabung Pendidikan;
- 5.3.10 Borang Tapisan Keutuhan SPRM;
- 5.3.11 Surat Pemakluman Pengisytiharan Harta;
- 5.3.12 Jadual Waktu Mengajar (bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018);
- 5.3.13 Sijil, surat penghargaan dan lain-lain dokumen sokongan.

6. Calon yang memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti di para 4.1 dan 4.2 di atas sahaja layak memohon. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan softcopy dokumen melalui e-mel kepada Urus Setia Penilaian GCPC 2018;

- 6.1 **Borang Permohonan Calon-Borang GCPC (Ms Excel); dan**
- 6.2 **Lampiran C (PDF) - Kenyataan, Perakuan dan Pengesahan Ketua Jabatan ke alamat seperti berikut:**

6.2.1 Bagi calon Guru Cemerlang sekolah/KV dan Pensyarah Cemerlang dari IAB, KM dan ELTC:  
**gcpc.mohon@moe.gov.my**

7. Calon yang mengisi jawatan Kader Kementerian Pendidikan Malaysia, hanya calon daripada Maktab Tentera Diraja, Sekolah Dalam Hospital dan Sekolah Integriti dan Henry Gurney sahaja yang layak mengemukakan permohonan **melalui** Ketua Jabatan.

8. Tarikh tutup permohonan pada hari **Jumaat, 18 Mei 2018**.

9. Calon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek sahaja akan dinilai. Hanya calon yang telah dinilai dan berjaya sahaja akan menerima surat Arahan Penempatan Pemangku sebagai Guru Cemerlang melalui Ketua Jabatan masing-masing. Keputusan penilaian adalah muktamad.

10. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil.2 Tahun 2015 Pada 17 Februari 2015 telah memutuskan bahawa penetapan **tarikh kenaikan pangkat adalah mulai sehari selepas tempoh pemangku selama satu (1) tahun** bagi kumpulan **Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Profesional**

11. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai-pegawai seperti yang tertera di bawah;

11.1	Encik Abd Aziz bin Ahmad	(JNJK)	-	03-88844490
11.2	Encik Wan Huzaini bin Wan Husain	(JNJK)	-	03-88844148
11.3	Cik Rosmiena bt. Che Mat	(BPSM)	-	03-88847926
11.4	Cik Azrena bt. Ramli	(BPSM)	-	03-88847881
11.5	Encik Megat Ramli bin Megat Puteh	(JPN Kedah)	-	04-7404018

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**  
**“ PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG ”**

Saya yang menurut perintah,



( **HAJI ROZAINI BIN AHMAD** )  
Timbalan Pengarah Pendidikan,  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.

**s.k.**

- 1) Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
- 2) Ketua Sektor Khidmatan Pengurusan Dan Pembangunan
- 3) Ketua Sektor Jaminan Kualiti
- 4) Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
- Sila masukkan surat ini dalam Portal Rasmi PPD masing-masing